



PERSATUAN SEKOLAH LODGE (PPP/SK/1262/74)

(*LODGE SCHOOL ASSOCIATION*)

P.O. Box 882, Tabuan Jaya,

93718, Kuching, Sarawak, Malaysia

Tel No.: 082-363554 Fax No.:082-362517

E-mail: info@lodeschool.edu.my

Homepage: <https://www.lodeschool.edu.my>

To : All Parents / Guardians
Date : Friday, 10 October 2025
Title : Director's Circular October 2025
Circular Number : 11/DIR/2025

Dear Parents / Guardians,

Please take note that Department of Health, Sarawak has issued a letter yesterday regarding Influenza-Like-Illness (ILI) and Severe Acute Respiratory Infection (SARI). A copy of the letter is attached for your reference and information.

Our schools have these on-going & upcoming public examinations:

- Cambridge International Examinations IGCSE & AS-Level for our Yr 11 & Yr 12 students;
- upcoming Ujian Penilaian-DLP Sarawak (UP-DLP 6) for Primary 6 students; and
- upcoming Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) for Form 5 students

We strongly urge parents / guardians to practice the following measures so that your child / children can sit for their examinations without any disruption, including but not limited:

- Avoid going to crowded places.
- Seek medical attention immediately when feeling unwell.
- Put on face mask while in school if they are experiencing flu-like symptoms or when they cough.
- Continue with our practice of high-level hygiene etiquette for eg. washing our hands with soap
- Practice coughing and sneezing etiquette
- Students who are feeling unwell and sitting for public examinations are requested to put on face mask during examination sessions as there are no resit for public examinations


Our After School Care (ASC) rooms at kindergarten will be disinfected daily, before and after use.

For further information, please contact the following:

Director, Mr Su Hiong Ai	- 012-8726123
Principal, Primary & Kindergarten, Mdm Prisca Chambers	- 019-8180260
Principal, Secondary, Mr Yunus Anak Apok	- 013-8063553
Principal, International, Mr Markus Gatuman	- 013-8335817

“TOGETHER WE CAN MAKE A DIFFERENCE”

Yours Sincerely,


SU HIONG AI
Director
Lodge Group of Schools





**JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK,
JALAN DIPLOMATIK OFF JALAN BAKO,
93050 PETRA JAYA,
KUCHING, SARAWAK,
MALAYSIA.**

Telefon : 082-473200
Faks : 082-443053 (Pejabat Pengarah)
: 082-443075 (Pejabat Am.)
: 082-442907 (Pejabat TPKN Kesihatan Awam)

Ruj. Kami : JKNSWK.600-29/4/128(31)

Tarikh : 9 Oktober 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

KEWASPADAAN TERHADAP PENINGKATAN KES JANGKITAN INFLUENZA DAN ARAHAN MEMPERKUKUHKAN AKTIVITI SURVELAN *INFLUENZA-LIKE-ILLNESS (ILI)* DAN *SEVERE ACUTE RESPIRATORY INFECTION (SARI)* DI NEGERI SARAWAK

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, secara keseluruhan kadar konsultasi kes *ILI* yang direkodkan di klinik-klinik kesihatan di Sarawak telah menunjukkan peningkatan sejak Minggu Epid (ME) 39 Tahun 2025. Pada ME 36 Tahun 2025, kadar konsultasi yang dicatatkan ialah 3.97 peratus dan telah meningkat pada ME 39 dengan kadar 4.41 peratus dan terus meningkat pada ME 40 dengan kadar 4.88 peratus.

3. Peningkatan kadar konsultasi juga adalah sejajar dengan bilangan wabak *ILI* yang dilaporkan. Sehingga ME 41 Tahun 2025, sebanyak enam (6) wabak *Influenza A / ILI* telah dilaporkan, dengan dua (2) wabak dilaporkan pada ME 40 dan empat (4) wabak dilaporkan pada ME 41 setakat ini. Lima (5) daripada enam (6) wabak ini melibatkan institusi pendidikan.

4. Sehubungan itu, JKN Sarawak ingin mengingatkan semua Pejabat Kesihatan Bahagian dan Daerah untuk mengukuhkan surveilan serta mengambil langkah-langkah kawalan seperti berikut:

- a. Memperkukuhkan aktiviti surveilan *ILI* dan *SARI* serta pemantauan di Bahagian/ Daerah di bawah selian masing-masing. Bilangan kes harian *ILI* di klinik kesihatan harus dilaporkan dalam sistem *Covid Influenza-Like-Illness Surveillance (CILIS)* dan tren perlu dipantau secara rapi serta diambil tindakan kawalan sekiranya terdapat peningkatan kes atau kluster;
- b. Meningkatkan risiko komunikasi (RCCE) kepada semua pegawai dan anggota di bawah seliaan masing-masing serta orang awam, termasuk pengusaha; dan
- c. Penjaga di sekolah dan tadika berkenaan jangkitan influenza serta langkah-langkah kawalan dan pencegahan penularan jangkitan dengan memberikan penekanan kepada elemen-elemen berikut:
 - i. Sentiasa mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi;
 - ii. Kerap mencuci tangan dengan menggunakan sabun atau *hand sanitizer*;
 - iii. Memakai pelitup muka sekiranya bergejala atau berisiko tinggi;

KAMI SEDIA MEMBANTU

Ruj. Kami: JKNSWK.600-29/4/128 (31)

- iv. Mengamalkan etika batuk dan bersin yang betul;
 - v. Mengelakkan perkongsian peralatan peribadi seperti tuala, sapu tangan, mainan, sudu dan lain-lain sekiranya bergejala;
 - vi. Orang awam yang bergejala disarankan untuk berehat di rumah dan mengelakkan berada di tempat awam. Ibu bapa dinasihatkan agar tidak menghantar anak-anak yang bergejala ke sekolah, tadika, pusat jagaan atau taman permainan; dan
 - vii. Menggalakkan aktiviti disinfeksi dan pembersihan premis secara berkala.
- d. Menasihati pengusaha institusi pendidikan untuk memantau pelajar yang bergejala dan memastikan pengasingan dilaksanakan dengan segera, khususnya bagi pelajar yang tinggal di asrama, dan memaklumkan segera kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) sekiranya berlaku peningkatan kes atau kluster.
- e. Memastikan stok antiviral Oseltamivir adalah mencukupi di semua fasiliti kesihatan untuk diberikan kepada golongan berisiko tinggi. Pemberian antiviral harus diberikan kepada individu yang bergejala mengikut kriteria yang ditetapkan.
- f. Menggalakkan vaksinasi influenza bermusim terutamanya golongan berisiko tinggi seperti warga emas, kanak-kanak kecil, wanita hamil dan individu yang menghidap penyakit kronik.

5. Dengan ini, YBhg. Datuk/ tuan/ puan juga dimohon untuk menyalurkan maklumat dan arahan ini kepada semua fasiliti yang terlibat di bawah seliaan masing-masing. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi petugas Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC), JKN Sarawak di talian 082 443248 atau melalui e-mel cprc_sarawak@moh.gov.my.

Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/ tuan/ puan dalam perkara ini amatlah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah, DR. NUR FATIHAH OH ABDULLAH
MMC 39052 NSR 132326
b.p Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Kesihatan Awam)
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

(DR. MOHAMMAD NAZARUDIN BIN BAHARI)
MMC:38600 NSR:134185
Pakar Perubatan Perunding Kesihatan Awam
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Ruj. Kami: JKNSWK.600-29/4/128 (31)

s.k.

1. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan), JKN Sarawak
2. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi), JKN Sarawak
3. Ketua Cawangan Pembangunan Kesihatan Keluarga, JKN Sarawak
4. Ketua Cawangan Perkembangan Kesihatan Awam, JKN Sarawak
5. Ketua Seksyen Kawalan Penyakit Berjangkit (Survelan), JKN Sarawak
6. Ketua Seksyen Kawalan Penyakit Berjangkit (Epidemiologi), JKN Sarawak
7. Ketua Seksyen Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (KPAS), JKN Sarawak

Ruj. Kami: JKNSWK.600-29/4/128 (31)

SENARAI EDARAN

Pegawai Kesihatan Bahagian
Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching

Pegawai Kesihatan Bahagian
Pejabat Kesihatan Bahagian Samarahan

Pegawai Kesihatan Bahagian
Pejabat Kesihatan Bahagian Serian

Pegawai Kesihatan Bahagian
Pejabat Kesihatan Bahagian Sri Aman

Pegawai Kesihatan Bahagian
Pejabat Kesihatan Bahagian Betong

Pegawai Kesihatan Bahagian
Pejabat Kesihatan Bahagian Sibu

Pegawai Kesihatan Bahagian
Pejabat Kesihatan Bahagian Sarikei

Pegawai Kesihatan Bahagian
Pejabat Kesihatan Bahagian Mukah

Pegawai Kesihatan Bahagian
Pejabat Kesihatan Bahagian Kapit

Pegawai Kesihatan Bahagian
Pejabat Kesihatan Bahagian Bintulu

Pegawai Kesihatan Bahagian
Pejabat Kesihatan Bahagian Miri

Pegawai Kesihatan Bahagian
Pejabat Kesihatan Bahagian Limbang

4 of 4